

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/12/2018

HARI HAK ASASI MANUSIA 2018

'PM tak hadir beri kelebihan'

BH-10/12/2018 m/s:5

➔ Keputusan Dr Mahathir sebabkan semakin ramai sertai program SUHAKAM

Oleh Syed Umar Ariff, Mohd Iskandar Ibrahim, Nor Ain Mohd Radhi, Ahmad Suhael Adnan dan Faris Fuad
cnews@nstp.com.my

► Petaling Jaya

Keputusan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk tidak menghadiri sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2018, semalam memberi kelebihan pada program anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) itu. Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri

Razali Ismail, berkata keputusan Perdana Menteri itu menyebabkan semakin ramai orang tertanya-tanya dan mahu hadir ke program yang berlangsung di Padang Timur, di sini.

Ramai tunjukkan minat

"Ramai orang datang bertanyakan pelbagai soalan dan menunjukkan minat dalam pelbagai isu membabitkan hak asasi manusia dan dewan juga penuh (ketika majlis perasmian)," katanya pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2018, di sini, semalam.

Sambutan Hak Asasi Manusia 2018 yang dijadualkan berlangsung di Padang Timur, Petaling Jaya, kelmarin ditunda ke semalam atas faktor keselamatan.

Ia berikutan himpunan kesyukuran meraikan keputusan kerajaan tidak meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD), yang diadakan di Dataran Merdeka, kelmarin.

Dr Mahathir yang asalnya dijadualkan hadir serta merasmi-

kan sambutan Hari Hak Asasi Manusia, menegaskan tidak akan hadir kerana berbeza pendirian dengan SUHAKAM mengenai ratifikasi ICERD.

Sementara itu, ditanya sama ada SUHAKAM ada berdepan kekangan ketika pentadbiran kerajaan lalu, Razali mengaku berdepan pelbagai cabaran dan kerena birokrasi dalam menegakan prinsip hak asasi manusia.

"Sepanjang saya menjadi Pengerusi SUHAKAM selama tiga tahun, sekali pun saya tidak dapat berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri.

"Terlalu banyak protokol sebelum ini. Nak jumpa mereka macam nak jumpa tuhan," katanya.

Terus nasihat kerajaan

Selain itu, beliau berkata, SUHAKAM akan terus menasihati kerajaan untuk meratifikasi baki enam konvensyen antarabangsa yang belum ditandatangani Malaysia, termasuk ICERD.

"Ya, sudah tentu. Walaupun kami kecewa (kerajaan tidak akan meratifikasi ICERD), kami belum menyerah kalah.

"Ada ramai individu dalam kerajaan yang mahu kami terus bekerja keras dalam isu ini, jadi kami akan terus menasihati kerajaan (meratifikasi ICERD dan baki instrumen hak asasi manusia lain)," katanya.

Setakat ini, Malaysia hanya meratifikasi tiga daripada sembilan konvensyen antarabangsa berhubung hak asasi manusia iaitu Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Hak Asasi Orang Kurang Upaya (CRPD).

Dr Mahathir dalam ucapan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, menegaskan kerajaan baharu Malaysia berikrar untuk meratifikasi baki instrumen asas PBB yang berkaitan dengan melindungi hak asasi manusia.

Bagaimanapun, kerajaan pada 23 November lalu, menyatakan pendirian untuk tidak meratifikasi ICERD, sebaliknya memberi jaminan akan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.